

17 JAN 2003

Rais-Pelaksanaan

TINGKATKAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG, KATA RAIS

KUALA KLawang, 17 Jan (Bernama) -- Semua pihak berkuasa berkaitan diminta meningkatkan langkah pelaksanaan peruntukan undang-undang bagi mengatasi sesuatu masalah termasuk membendung gejala sosial yang semakin meluas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata soal adanya sesuatu peruntukan undang-undang jarang menjadi masalah tetapi yang sering menjadi masalah ialah pelaksanaan undang-undang itu.

"Misalnya Undang-undang Pencegahan Dadah 1988... yang menjadi masalah ialah pelaksanaan undang-undang itu untuk diterjemahkan bagi mengadakan program yang berkesan.

"Hukuman gantung sampai mati kepada pengedar di bawah Seksyen 39 (b) (Akta Dadah Berbahaya) dan undang-undang pencegahan sudah memadai tetapi jumlahnya (mereka yang terbabit dengan dadah) semakin meningkat.

"Jawapannya bukan terletak kepada undang-undang tetapi pelaksanaan dan program susulan selepas itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat mengenai pembangunan daerah Jelebu di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas hasrat kerajaan negeri Perlis melaksanakan larangan remaja di bawah 17 tahun mengunjungi pusat hiburan ringan di negeri itu selepas 11 malam.

Semalam, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata larangan itu bertujuan mengawal remaja daripada membuang masa di premis-premis hiburan selepas 11 malam.

Dr Rais berkata beliau telah meminta Peguam Negara menyampaikan pesannya kepada Penasihat Undang-undang Negeri Perlis supaya memberi panduan kepada Shahidan dalam melaksanakan larangan itu.

"Saya percaya beliau (Shahidan) telah sedia maklum mengenai perkara itu dan setakat ini, perkara itu cuma menjadi sebutan sahaja dan pelaksanaannya belum ada. Kita tunggu dan lihat sahaja dulu," katanya.

Dr Rais berkata sesuatu larangan yang hendak dilaksanakan mesti diwartakan dahulu sama ada ia akan dibuat di bawah Akta Ketenteraman Awam, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau Akta Pencegahan Dadah.

Beliau menjelaskan jika seseorang dihalang daripada berjalan dari satu tempat ke satu tempat lain, ia menyalahi Artikel 9 Perlembagaan Malaysia dan sekiranya seseorang itu dikurung, dia mesti dikenakan dakwaan dalam tempoh 24 jam atau 48 jam berdasarkan jauh tempat dia ditangkap dan tempat dia dikenakan sekatan.

Mengulas perkembangan pembangunan di daerah Jelebu, Dr Rais yang juga Anggota Parlimen Jelebu berkata sebahagian daripada projek di kawasan luar bandar masih tertundal akibat kareh birokrasi dan meminta pegawai daerah serta pihak berkuasa berkaitan mempercepatkan pelaksanaannya untuk kepentingan golongan luar bandar.

Menurutnya satu konvensyen mengenai ekonomi orang kampung akan diadakan di Jelebu pertengahan tahun ini dan dijangka dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Konvensyen itu akan melibatkan Jabatan Pertanian, Jabatan Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Perdana Menteri dan akan membangkitkan permasalahan yang dihadapi orang kampung... mereka sendiri boleh menyampaikan pandangan bagaimana masalah itu dapat diselesaikan mengikut cara mereka.

Konvensyen itu juga diharap dapat mengenal pasti produk yang boleh dimajukan untuk meningkatkan pendapatan orang kampung selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk merealisasikan

Satu Produk Satu Kampung, katanya.

Dr Rais berkata beliau juga akan pergi ke beberapa negara Afrika seperti Cameroon, Nigeria, Afrika Selatan dan Mozambique untuk menyampaikan jempukan kerajaan Malaysia kepada pemimpin negara berkenaan bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur pada 20-25 Feb ini.

--BERNAMA

APG NAK